



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK MIGRASI ANTARABANGSA, MALAYSIA, 2025

SEBANYAK 156 DAERAH PENTADBIRAN DIDIAMI OLEH PENDUDUK BUKAN WARGANEGARA DENGAN 33 DAERAH PENTADBIRAN MEREKODKAN KOMPOSISI PENDUDUK BUKAN WARGANEGARA MELEBIHI PARAS NASIONAL (9.9%)

PUTRAJAYA, 24 DISEMBER 2025 – Penduduk Bukan Warganegara di Malaysia dianggarkan seramai 3.38 juta pada 2025 dengan kadar pertumbuhan tahunan menurun kepada -0.5 peratus berbanding 2024. Komposisi penduduk Bukan Warganegara turut menunjukkan penurunan daripada 10.0 peratus pada 2024 kepada 9.9 peratus pada 2025. Secara keseluruhan, 33 daerah pentadbiran mencatatkan komposisi penduduk Bukan Warganegara melebihi paras nasional (9.9%) pada 2025.

Buat julung kalinya, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan penerbitan Statistik Migrasi Antarabangsa, Malaysia, 2025 selaras dengan saranan *United Nations* menerusi *Recommendations on Statistics of International Migration and Temporary Mobility 2025* yang mengesyorkan setiap negara ahli menyediakan statistik berkaitan stok dan aliran migrasi antarabangsa secara bersepadu dan berterusan.

Laporan ini memaparkan statistik stok penduduk Bukan Warganegara di Malaysia melalui anggaran semasa penduduk Bukan Warganegara 2025 sehingga ke peringkat daerah pentadbiran dan statistik satelit seperti guna tenaga, pendidikan dan statistik jenayah melalui penerbitan-penerbitan lain di DOSM serta agensi berkaitan. Selain itu, statistik stok Warganegara Malaysia di luar negara turut dipaparkan dalam penerbitan ini. Anggaran semasa penduduk Bukan Warganegara 2025 merupakan

anggaran pertengahan tahun berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Bilangan lelaki melebihi perempuan, masing-masing 2.35 juta dan 1.03 juta, menjadikan nisbah jantina sebanyak 228 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Nisbah jantina yang tinggi ini dipengaruhi oleh bilangan pekerja asing lelaki yang tinggi di Malaysia. Umur penengah penduduk Bukan Warganegara pada 2025 ialah 29.2 tahun, meningkat sebanyak 0.2 tahun daripada 29.0 tahun pada 2024".

Komposisi penduduk Bukan Warganegara berumur 15-64 tahun (umur bekerja) menurun kepada 79.8 peratus (2025) daripada 79.9 peratus pada 2024. Sementara itu, peratusan penduduk Bukan Warganegara berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat kepada 4.7 peratus daripada 4.6 peratus bagi tempoh yang sama. Komposisi penduduk Bukan Warganegara berumur 0-14 tahun (umur muda) pada 2025 kekal tidak berubah berbanding 2024 dengan 15.5 peratus.

Dari aspek guna tenaga, bilangan Bukan Warganegara bekerja meningkat kepada 2,360.6 ribu pada 2024 berbanding 2,004.0 ribu pada 2023. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) Bukan Warganegara juga turut menunjukkan peningkatan daripada 87.2 peratus pada 2023 kepada 88.9 peratus pada 2024, menunjukkan tujuan utama memasukkan Bukan Warganegara ke Malaysia adalah bagi pekerjaan.

Ketua Perangkawan Malaysia turut berkata, "Penerbitan ini menjadi asas kepada pembangunan sistem data migrasi antarabangsa yang lebih tersusun dan konsisten selaras dengan standard antarabangsa. Bagi permulaan penyediaan statistik migrasi antarabangsa Malaysia, tumpuan adalah terhadap statistik stok migran iaitu penyediaan statistik komprehensif bagi stok penduduk Bukan Warganegara di Malaysia dan stok Warganegara Malaysia di luar negara. Penyediaan statistik stok ini akan terus dipertingkatkan melalui liputan data yang lebih luas serta penambahbaikan metodologi bagi memastikan ketepatan, kebolehpercayaan dan keseragaman data. DOSM akan terus memantapkan koordinasi dengan agensi berkaitan untuk


menyokong penyediaan statistik migrasi antarabangsa yang lebih tepat, menyeluruh dan bermanfaat bagi dasar serta perancangan negara.”

Statistik ini merupakan input penting bagi penggubalan polisi dan perancangan program berkaitan migrasi antarabangsa serta sumber rujukan kepada penyelidik dan akademik. Migrasi antarabangsa memainkan peranan penting dalam pembentukan struktur kependudukan negara dengan implikasi langsung terhadap pasaran buruh, penyediaan perkhidmatan sosial dan perancangan pembangunan sosioekonomi. Oleh itu, ketersediaan statistik migrasi antarabangsa yang berkualiti dan boleh dipercayai adalah asas penting bagi menyokong penggubalan polisi dan membuat keputusan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Stok penduduk Bukan Warganegara di Malaysia, 2010-2025^P



Sumber: Anggaran Penduduk Semasa, 2010-2025^P

Nota: 2020-2025^P Anggaran Penduduk Semasa berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan 2020

P: Permulaan

Jadual 1: Bilangan dan kadar pertumbuhan tahunan penduduk Bukan Warganegara mengikut negeri, Malaysia, 2025^p

Negeri	Bilangan Bukan Warganegara (000')	Kadar pertumbuhan tahunan (%)
Malaysia	3,380.7	-0.48
Johor	385.1	-0.73
Kedah	111.0	-1.68
Kelantan	47.1	-0.04
Melaka	91.5	-0.37
Negeri Sembilan	73.5	-1.45
Pahang	101.9	-0.32
Perak	159.5	-0.58
Perlis	11.7	-2.39
Pulau Pinang	179.9	-0.58
Sabah	1,040.2	-0.32
Sarawak	126.8	-0.71
Selangor	727.9	-0.10
Terengganu	39.0	-0.81
W.P. Kuala Lumpur	270.7	-0.28
W.P. Labuan	11.5	-6.23
W.P. Putrajaya	3.4	-18.37

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 DISEMBER 2025**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

INTERNATIONAL MIGRATION STATISTICS, MALAYSIA, 2025

ALL 156 ADMINISTRATIVE DISTRICTS RECORDED NON-CITIZENS POPULATION IN 2025 WITH 33 ADMINISTRATIVE DISTRICTS EXCEED NATIONAL LEVEL NON-CITIZENS COMPOSITION (9.9%)

PUTRAJAYA, 24th DECEMBER, 2025 – The Non-citizens population in Malaysia is estimated at 3.38 million in 2025 with the growth rate declining to -0.5 per cent as compared to 2024. The proportion of Non-citizens also shows a decrease from 10.0 per cent in 2024 to 9.9 per cent in 2025. Overall, 33 administrative districts exceed national level Non-citizens composition (9.9%) in 2025.

For the first time, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the *International Migration Statistics, Malaysia, 2025* which aligns with the United Nations' *Recommendations on Statistics of International Migration and Temporary Mobility 2025* which recommend member countries to produce integrated and continuous statistics on both the stock and flow of international migration.

This report presents the stock statistics of Non-citizens in Malaysia through the 2025 current estimates of Non-citizens disaggregated to the administrative district level as well as satellite statistics such as employment, education and crime statistics from other DOSM publications and relevant agencies. In addition, the stock of Malaysian citizens abroad is also included in this publication. The 2025 current estimates of Non-citizens are mid-year estimates based on Malaysia Population and Housing Census, 2020.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The number of males exceeded females at 2.35 million and 1.03 million respectively resulting in a sex ratio of 228 males for every 100 females. The high sex ratio was contributed by the high number of male foreign workers in Malaysia. The median age of Non-citizens in 2025 is 29.2 years, an increase of 0.2 years from 29.0 years in 2024".

The composition of Non-citizens aged 15-64 years (working age) decreased to 79.8 per cent (2025) from 79.9 per cent in 2024. Meanwhile, the percentage of Non-citizens aged 65 years and over (old age) increased to 4.7 per cent from 4.6 per cent for the same period. The composition of Non-citizens aged 0-14 years (young age) in 2025 remained unchanged as compared to 2024 with 15.5 per cent.

From the employment perspective, the number of employed Non-citizens increased to 2,360.6 thousand in 2024 compared to 2,004.0 thousand in 2023. The labour force participation rate (LFPR) of Non-citizens also rose from 87.2 per cent in 2023 to 88.9 per cent in 2024 indicating that the main purpose for Non-citizens entering Malaysia is for employment.

The Chief Statistician Malaysia also said, "This publication serves as a foundation for developing a more structured and consistent international migration data system in line with international standards. For the initial phase of Malaysia's international migration statistics, the focus is on migration stock statistics, that is the compilation of comprehensive statistics on Non-citizens in Malaysia and Malaysian citizens abroad. The preparation of these stock statistics will continue to be improved through broader data coverage and methodological enhancements to ensure accuracy, reliability and consistency of the data. Moving forward, DOSM will continue to strengthen coordination with related agencies to support the production of more accurate, comprehensive and policy-relevant international migration statistics."

These statistics are important input for the formulation of policies and the planning of programs related to international migration, as well as a reference for researchers and academics. International migration plays a crucial role in shaping the country's


Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 24th December 2025

population structure, with direct implications for the labor market, provision of social services, and socio-economic development planning. Therefore, the availability of high-quality and reliable international migration statistics is a fundamental basis for supporting policy and decision making.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Non-citizens stock in Malaysia, 2010-2025^p



Source: Current Population Estimates, 2010-2025^p

Note: 2020-2025^p Current Population Estimates based on Population and Housing Census 2020

^p: Preliminary

Table 1: Number and annual growth rate of Non-citizens by state, Malaysia, 2025^p

State	Number of Non-citizens (000')	Annual growth rate (%)
Malaysia	3,380.7	-0.48
<i>Johor</i>	<i>385.1</i>	<i>-0.73</i>
<i>Kedah</i>	<i>111.0</i>	<i>-1.68</i>
<i>Kelantan</i>	<i>47.1</i>	<i>-0.04</i>
<i>Melaka</i>	<i>91.5</i>	<i>-0.37</i>
<i>Negeri Sembilan</i>	<i>73.5</i>	<i>-1.45</i>
<i>Pahang</i>	<i>101.9</i>	<i>-0.32</i>
<i>Perak</i>	<i>159.5</i>	<i>-0.58</i>
<i>Perlis</i>	<i>11.7</i>	<i>-2.39</i>
<i>Pulau Pinang</i>	<i>179.9</i>	<i>-0.58</i>
<i>Sabah</i>	<i>1,040.2</i>	<i>-0.32</i>
<i>Sarawak</i>	<i>126.8</i>	<i>-0.71</i>
<i>Selangor</i>	<i>727.9</i>	<i>-0.10</i>
<i>Terengganu</i>	<i>39.0</i>	<i>-0.81</i>
<i>W.P. Kuala Lumpur</i>	<i>270.7</i>	<i>-0.28</i>
<i>W.P. Labuan</i>	<i>11.5</i>	<i>-6.23</i>
<i>W.P. Putrajaya</i>	<i>3.4</i>	<i>-18.37</i>

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24th DECEMBER 2025**